

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	17 SEPTEMBER 2016

Tun M menghadap Agong

Sinar Harian - 17/9/2016

SHAH ALAM - Pengerusi Bersatu, Tun Dr Mahathir Mohamad kelmarin menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah bagi menyerahkan memorandum Deklarasi Rakyat.

Pertemuan yang berlangsung di Istana Anak Bukit, Kedah itu disahkan bekas Naib Ketua Bahagian Umno Batu Kawan, Datuk Khairuddin Abu Hassan.

"Mesyuarat empat mata di antara Tun Mahathir dan Yang di-Pertuan Agong berlangsung selama satu jam 15 minit," katanya.

Dalam pertemuan tersebut, Mahathir turut membawa dokumen Deklarasi Rakyat yang dikatakan mengandungi tandatangan 1.3 juta rakyat Malaysia.

Deklarasi Rakyat dilancarkan oleh Mahathir pada Mac lalu yang bertujuan mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berundur.

Deklarasi tersebut turut menyenaraikan empat tuntutan penyingkiran yang perlu dilakukan termasuk penyingkiran menerusi saluran yang aman dan mengikut undang-undang yang dibenarkan.

Selain itu, penyingkiran ini perlu juga



Mahathir (duduk) ditemani Khairuddin (berdiri, kiri) ketika menghadap Yang di-Pertuan Agong, kelmarin untuk menyerahkan memorandum Deklarasi Rakyat.

dilakukan terhadap mereka yang berkongkol dengan Najib.

Deklarasi ini juga menuntut pemansuhan semua undang-undang dan

perjanjian baru yang jelas melanggar hak asasi yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan dan melemahkan polisi terpilih.